



Buletin Perlindungan Pengguna

CONSUMER PROTECTION BULLETIN

Homepage : www.kpdnhq.gov.my



Diterbitkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Malaysia dengan kerjasama Majlis Hal Ehwal Pengguna (WP) Kuala Lumpur
Published by the Ministry of Domestic Trade & Consumer Affairs, Malaysia in collaboration with the Majlis Hal Ehwal Pengguna (WP) Kuala Lumpur

NO. ISSN 1511-6581

BIL 11/2000

KPDN & HEP Bersama Anda

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) telah mengadakan sambutan Hari Kualiti Kementerian pada 11 November 2000 bertempat di Pejabat Pendaftar Syarikat di Tingkat 25, Putra Place. Sambutan Hari Kualiti ini dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Y. B. Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin.

Serentak dengan itu, Kementerian juga telah mengadakan pameran selama dua hari yang bertujuan untuk memberi penerangan kepada orang ramai mengenai fungsi dan peranan yang dimainkan oleh Kementerian ini.

Pameran tersebut yang turut dilancarkan pembukaannya oleh Y. B. Menteri dinamakan sebagai "Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Bersama Anda" telah diadakan pada 11 dan 12 November 2000, bertempat di ruang legar pusat membeli-belah The Mall dari jam 11.30 pagi hingga 10.00 malam.

Kira-kira 10 buah gerai pameran yang terdiri daripada bahagian-bahagian di Kementerian iaitu Bahagian Harta Intelek, Bahagian Penguatuwa, Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, Pejabat Pendaftaran Syarikat, Pejabat Pendaftaran Perniagaan, Pejabat Tribunal Tuntutan Pengguna dan gerai-gerai sokongan yang terdiri daripada Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Pengurusan Am, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Bahagian Kewangan juga turut memainkan peranan mereka untuk memberi kesahaman kepada orang ramai yang mengunjungi pameran ini.

Daripada sambutan yang diberikan, ternyata pameran ini telah berjaya menepati tujuan ianya diadakan iaitu



Y.B. Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyeraikan replika cek berjumlah RM600.00 berserta Sijil kepada Setiausaha Bahagian, Bhg. Pengurusan Kewangan, En. Wong Chai Looi pemenang Anugerah Pengurusan Teknologi Maklumat semasa Majlis Anugerah Hari Kualiti Kementerian.

mendekatkan orang ramai dengan Kementerian ini. Acara-acara yang disediakan terutamanya acara kuiz dan mencari harta karun mendapat sambutan baik dikalangan pengunjung. Dan yang lebih membanggakan ialah penyertaan oleh keluarga yang terdiri daripada pelbagai kaum yang turut mengambil peluang menjawab soalan yang dikemukakan.

Pameran ini juga memberikan peluang kepada pengunjung yang datang untuk melihat perbandingan antara barang asli dan barang tiruan (cetak rompak) serta perbezaan antara paten dan "Trademark" seperti yang dipamerkan di gerai Harta Intelek dan gerai Penguatuwa. Mereka juga berpeluang mendapatkan khidmat nasihat daripada Pejabat Tribunal Tuntutan Pengguna mengenai cara-cara

memfailkan tuntutan. Pendek kata, banyak faedah serta ilmu yang telah diperolehi oleh para pengunjung hasil daripada pameran ini.

Adalah diharapkan agar Kementerian ini akan terus mendampingi orang ramai bagi memberikan perkhidmatan yang mesra dan telus, melalui aktiviti-aktiviti yang serupa di masa akan datang.



Orang ramai yang mengunjungi salah sebuah gerai Kementerian semasa Pameran "KP DN & HEP Bersama Anda" di ruang legar The Mall pada 11 & 12 November 2000.

SIDANG PENGARANG

Penasihat

Y. B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna, Malaysia.

Penolong Penasihat

Y. B. Dato' S. Subramaniam
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Malaysia.

Ketua Pengarang

Syed Mestaddin bin Syed Abdullah
Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Penasihat Pengarang

Abdul Rahman bin Ghazali
Timbalan Ketua Pengarah,
Bahagian Pengukuasa (Operasi),

Yap Kon Lim

Normah Sheikh Abdullah
Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Nik Suzana Nik Shapik

Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan
Hal Ehwal Pengguna

Penolong Pengarang

Anyi Ngau
Penolong Pengarah,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Noor Jamal Ali

Penolong Pegawai Penerbitan,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Penasihat Publisiti Dan Hal Ehwal Korporat

James Tho
Ketua, Publisiti dan Hal Ehwal Korporat,
Buletin Perlindungan Pengguna

Cynthia Chin

Penolong Ketua,
Buletin Perlindungan Pengguna

Sumithra (Sumi)

Noor Amilia
Habeebah Siddeeka
Aishah Abd. Rahman
Pegawai-pegawai Kordinator dan
Perhubungan Buletin

Produksi Dan Edaran

Nancy Thong
Edward Loh

Alamat :


Buletin Perlindungan Pengguna,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna,
Tingkat 32, Bangunan Daya Bumi,
Jalan Sultan Hishamuddin
50623 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2260 1806
No. Faks : 03-2274 7628 • 2260 1807
E-mail : buletin@kpdnhq.gov.my

Buletin Perlindungan Pengguna
merupakan projek usahasama Kementerian
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna dengan kerjasama Majlis Hal
Ehwal Pengguna (WP) Kuala Lumpur dan
diterbitkan secara bulanan. Rencana-
rencana yang diterbitkan dalam buletin ini
ialah pandangan peribadi penulis dan tidak
semestinya menggambarkan pendirian
Kementerian ISSN 1511-6581
Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal
Ehwal Pengguna.



9 771511 658004

Suara Pengarang



Pada bulan ini, kaum Muslimin dan Muslimat mengerjakan ibadat puasa. Pelbagai juadah disediakan untuk hidangan berbuka puasa. Adakala, terlalu banyak hidangan yang disediakan atau dibeli sehingga tidak habis dimakan, dan terpaksa dibuang. Memang benar bahawa sewaktu lapar, kita cenderung membeli lebih banyak makanan dari yang sebenarnya yang diperlukan. Pengguna harus mengingatkan diri sendiri akan maksud di sebalik puasa dan kurangkan pembelian atau makan berlebihan. Elakkan membazir makanan.

Hari Raya Aidilfitri dan Hari Krismas hampir menjelang. Pengguna pastinya sibuk membuat persiapan-persiapan bagi menyambut hari perayaan ini. Kedai-kedai dan pusat-pusat membeli-belah mula menawarkan pelbagai promosi untuk menarik pembeli. Pelbagai pakaian, hiasan serta juadah ditawarkan untuk dibeli oleh pengguna. Tambahan pula keadaan ekonomi negara sudah mula pulih dan pendapatan pengguna sudah bertambah baik. Para peniaga menggunakan pelbagai cara untuk menarik dan memujuk pengguna untuk membeli barang-barang mereka.

Hari perayaan adalah masa untuk kita berkumpul bersama keluarga, saudara-mara, sahabat-handai dan masyarakat bagi mengeratkan silatulrahim serta memesrakan lagi hubungan antara kita semua. Kita akan menyambut perayaan ini dalam suasana gembira dan harmoni. Sudah tentulah perbelanjaan yang lebih, perlu disediakan untuk menyediakan makanan, pakaian dan perhiasan rumah.

Namun, pengguna perlu bertindak bijak dalam merancang perbelanjaan dan sentiasalah membeli barang-barang selepas membandingkan harga dan kualiti barang-barang tersebut. Pengguna harus mengelakkan dari membeli barang-barang keperluan lebih daripada yang diperlukan. Jangan bimbang dengan bekalan barang keperluan. Sikap pengguna yang cenderung membeli jauh dari keperluan semasa boleh menyebabkan kekurangan sementara sesuatu barang.

Apapun persiapan yang dibuat, pengguna perlulah berhati-hati dan berbelanja secara berhemah. Elakkan berhutang semata-mata untuk menyambut perayaan. Belanjalah mengikut keperluan. Jangan terlalu boros atau terlalu kedekut dalam menyambut perayaan. Sambutlah secara sederhana di samping keluarga dalam suasana bahagia dan gembira. Selamat berpuasa.

- Pengarang

Pelancaran Pejabat Bergerak, Gencana Dan Baju Korporat Untuk Bahagian Penguatkuasa KPDN & HEP

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Y.B. En. Wong Kam Hoong telah melancarkan tiga perkara baru untuk Bahagian Penguatkuasa Kementerian iaitu gencana (crest), pakaian seragam dan juga pejabat bergerak yang terdiri daripada lima buah pajero di majlis pelancaran yang diadakan pada 21 November 2000 bertempat di ruang legar The Mall pada kira-kira jam 10.30 pagi.

Hadir sama dalam majlis ini ialah Ketua Setiausaha Kementerian, Dato' Pahamin A. Rajab, Timbalan Ketua Setiausaha II, En. Khairuddin bin Hj. Mohd. Sari, Ketua Pengarah Penguatkuasa, En. Abdullah Nawawi serta pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Kementerian.

Pelancaran tiga perkara ini adalah merupakan peristiwa bersejarah bagi Kementerian ini, terutamanya kepada Bahagian Penguatkuasa, kerana kewujudan pejabat bergerak, pakaian seragam dan juga "crest" ini, bukan sahaja memudah dan melancarkan lagi tugas-tugas penguatkuasaan, malah dapat menaikkan semangat dan imej anggota-anggota penguatkuasa yang sentiasa menjalankan tugas mereka dengan tekun serta penuh tanggungjawab.

Pakaian korporat serta pejabat bergerak yang berwarna merah hati



Y.B. En. Wong Kam Hoong, Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melekatkan Gencera Penguatkuasa yang baru dilancarkan di salah sebuah pajero yang dijadikan Pejabat Bergerak.

Huraian Gencana (Crest)

1. Bunga padi menjunjung lambang persekutuan

Melambangkan Bahagian Penguatkuasa dan anggotanya sentiasa mendokong kerajaan yang memerintah.

2. Gelong tali besar dan kecil

Melambangkan komitmen dan kerjasama antara seluruh warga Bahagian Penguatkuasa dalam menghadapi globalisasi.

3. Logo empat segi di tengah-tengah gencana

Ialah logo sedia ada KPDN & HEP yang mencerminkan kesejahteraan pengguna.

4. Jalur merah, putih dan kuning

Adalah lambang bendera Malaysia yang sentiasa diagungkan oleh anggota Bahagian Penguatkuasa.

5. Warna emas pada bunga padi dan gelung tali

Melambangkan kesejahteraan, keceriaan dan kemakmuran.

6. Warna merah

Melambangkan ketegasan serta adil dalam melaksanakan tugas.

bersambung di mukasurat 9

Mengawasi Dan Mempengaruhi Harga

Harga adalah jumlah wang atau nilai yang terlibat dengan transaksi jual beli bagi sesuatu keluaran atau perkhidmatan dalam sesuatu pasaran dari sesuatu masa. Harus dibezaikan antara kos pembuatan atau penyediaan perkhidmatan oleh pengeluar daripada nilai keluaran atau perkhidmatan itu kepada pengguna. Ketiga-tiga konsep tersebut iaitu kos, harga dan nilai berkaitan dengan teknik penentuan harga analisis keluaran. Mengikut teori ekonomi, bagi pengguna atau pembeli yang rasional, harga sama dengan nilai faedah yang didapati daripada barang atau perkhidmatan. Kepenggunaan, sebaliknya, mendapat bahawa harga tidak semestinya berkaitan dengan nilai atau mutu sesuatu keluaran dan perkhidmatan.

Selain mutu barang, harga juga ditentukan oleh permintaan, kadar bekalan, iklim perniagaan, keadaan monopolji, dasar harga kerajaan, dasar penentuan harga sesebuah syarikat dan sebagainya. Kekuatan mana-mana faktor tersebut terhadap harga sesuatu keluaran atau perkhidmatan boleh berubah-ubah bila-bila masa. Mengetahui sebab kenaikan dan penurunan harga sesuatu keluaran atau perkhidmatan akan membantu pengguna mempengaruhi harganya supaya barang dan perkhidmatan itu disediakan dengan harga yang berpatutan. Yang berikut ialah kadar, dasar dan keadaan yang mempengaruhi

Tindakan Pengguna

- Memulaukan keluaran atau perkhidmatan yang harganya sengaja ditetapkan pada paras yang tinggi.
- Memulaukan keluaran yang harganya dinaikkan dengan sewenang-wenangnya tanpa memikirkan kesannya pada ekonomi negara dan kemampuan pengguna.
- Memilih keluaran yang bekalannya sedang memuncak yang harganya pada lazimnya lebih murah.
- Mengelak atau mengurangkan pembelian barang yang bekalannya sedang berkurangan atau terbatas akibat keadaan tertentu.
- Mengeluarkan barang atau perkhidmatan secara pengguna/individu mahupun koperasi pengguna/pekerja atas asas memberi khidmat serta paras keuntungan yang rendah.



harga sesuatu keluaran dan perkhidmatan.

Berikut ialah beberapa sebab yang mempengaruhi harga sesuatu

barang atau perkhidmatan.

Mekanisme harga merujuk kepada proses di negara yang mengamalkan sistem ekonomi

bersambung di mukasurat 5

sambungan daripada mukasurat 4

bebas, iaitu harga barang dan perkhidmatan ditentukan oleh keperluan dan kemampuan atau kesediaan pengguna untuk membeli serta kebolehan dan keinginan pembekal untuk membekal sesuatu barang itu.

Kaedah penentuan harga terdapat dua kaedah utama. Pertama, kos pembuatan atau penyediaan ditambah beberapa peratus yang difikirkan sesuai bagi mendapatkan keuntungan. Ini kaedah tradisional. Kedua, harga ditentukan oleh permintaan pasaran. Mutu keluaran dan harga sesuai bagi setiap pasaran mengikut ciri yang dikemukakan. Selepas itu, keluaran yang sesuai diwujudkan dengan kos yang dikawal bagi mendatangkan keuntungan yang memuaskan. Di sini juga konsep '*penentuan harga marginal*' iaitu sesuatu syarikat menentukan harga mengikut dasar penentuan harga yang diamalkan oleh para pesaingnya.

Dasar penentuan harga ialah dasar yang diamalkan oleh sesuatu syarikat yang berdasarkan hubungan yang wujud antara harga barang para pesaingnya. Dalam pembuatan dasar penentuan harga ini, syarikat yang berkenaan mempunyai tiga pilihan asas;

- Dasar penentuan harga tinggi untuk memberi sesuatu keluaran prestij (lazimnya disokong oleh promosi jualan yang meluas yang dibiayai oleh keuntungan tambahan hasil daripada harga keluaran berkenaan yang mahal) atau mengambil kesempatan keadaan pasarnya yang kuat bagi jangka masa pendek oleh sebab ketika itu



- keluaran tersebut unik dan permintaan terhadapnya cukup menggalakkan.
- Dasar penentuan harga yang rendah bagi menawan bahagian yang lebih besar dalam sesuatu atau memperluaskan pasaran ke kawasan-kawasan baru.
- Dasar menaangi harga yang ditentukan oleh para pesaing yang menjadi pemimpin harga dan memperuntukkan apa juga baki margin antara jualan dengan kos asas bagi membiayai kos pemasaran dan mendapatkan keuntungan.

Pemenang-Pemenang Pertandingan Menulis Ungkapan Kepenggunaan Sempena Sambutan Hari Kualiti Kementerian

“PENGGUNA yang bijak menjana kesejahteraan ekonomi negara”

Nooranita bt. Ab. Samad

Jabatan Arkitek & Projek Khas DBKL

“PENGGUNA berinformasi mencegah inflasi”

Mazirah bt. Mat

Sekolah Kebangsaan Yaacob Latif I, KL

“PENGGUNA dan kepenggunaan adalah teras; Penggerak dan penentu pembangunan ekonomi rakyat dan negara”

Sani bin Ahmad

DBKL, Bangunan Putra Place, The Mall, KL


“PENGGUNA adalah berhak untuk menentukan dan mempertahankan hak serta bertanggungjawab ke atasnya”

Suliza bt. Sulaiman

Pantai Medical Centre Sdn Bhd, KL

bersambung di mukasurat 9

Bersama Membendung Kenaikan Harga Menjelang Musim Perayaan



Kita berada di penghujung tahun 2000. Tidak berapa lama lagi, rakyat Malaysia akan menyambut dua perayaan yang besar, iaitu Hari Krismas dan Hari Raya Puasa pada masa yang sama, iaitu pada 25hb dan 27 - 28hb Disember 2000. Keserentakan sambutan perayaan-perayaan tersebut mempunyai implikasi yang penting ke atas kenaikan harga barang dan corak perbelanjaan pengguna.

Berbanding dengan hari-hari biasa, musim perayaan ini akan menyaksikan permintaan untuk bahan makanan, pakaian, keperluan dan sebagainya yang lebih tinggi. Sekiranya penawaran barang tidak dapat memenuhi permintaan, sudah tentulah akan berlaku tekanan kepada harga, tambahan lagi sekiranya terdapat

etika serta keprihatinan terhadap keperluan pengguna.

Walau apapun tindakan yang diusahakan oleh Kerajaan untuk menstabilkan harga, namun keberkesanan usaha-usaha itu memerlukan kerjasama dan sokongan dari kita semua sebagai pengguna. Kita perlu membuat pembelian yang bijak dan secara khususnya mengambil, antaranya, tindakan-tindakan berikut;


- a) Elakkan perbelanjaan menurut perasaan.
- b) Buat persiapan awal. Barang-barang tahan lama boleh dibeli lebih awal.
- c) Jangan terpengaruh dengan iklan jualan murah tanpa membuat perbandingan harga.
- d) Tidak membuat pembelian panik atau 'pada minit-minit terakhir'. Buat pembelian secara berperingkat supaya tidak mengakibatkan permintaan yang meningkat secara mendadak.
- e) Tidak membeli berlebihan. Tingkatkan kesederhanaan dalam amalan hidup dari segi pembelian dan penggunaan.
- f) Jika ada peniaga yang diketahui menipu pelanggan atau melarang gar peraturan-peraturan seperti misalnya timbangan atau sukatan, tidak

pula amalan perniagaan yang kurang sihat di kalangan pengeluar dan peniaga serta tindakan yang kurang bijak di kalangan pengguna. Kerajaan sedang berusaha bersama-sama pengeluar dan peniaga untuk memastikan bekalan barang-barang perlu akan cukup di musim perayaan ini dan pada harga yang berpatutan. Aspek yang diberi perhatian adalah pengeluaran, penyimpanan, pengedaran dan perniagaan supaya urusan-urusan dijalankan dengan



meletakkan tanda harga dan sebagainya, laporan kepada Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan keterangan yang sahif supaya tindakan selanjutnya dapat diambil dengan berkesan.

Belanjawan Musim Perayaan



Persiapan Menjelang Perayaan

Hari Raya Aidilfitri dan Hari Krismas hampir menjelang tiba. Ramai pengguna sibuk membuat persiapan menyambut perayaan tersebut. Pengguna harus menggunakan setiap ringgit yang ada untuk membuat perbelanjaan sebaik mungkin.

Seperti juga perayaan-perayaan yang lain, menjelangnya perayaan bermakna pelbagai persiapan perlu dibuat. Tidak kira sejauh mana meriahnya sambutan, namun ada sahaja perbelanjaan yang perlu dilaksanakan.

Berikut ialah beberapa panduan untuk pengguna berbelanja secara berhemah sewaktu musim perayaan;

bersambung di mukasurat 8

KEMI

bersambung di mukasurat 8

sambungan daripada mukasurat 7

Persiapan Rumah

- Gantikan langsir sedia ada dengan yang baru hanya sekiranya langsir tersebut tidak dapat digunakan lagi dan anda mampu menanggung perbelanjaan. Kalau anda berkebolehan menjahit, belilah kain dan jahit sendiri.
- Sarung kerusi kusyen dan kain alas meja perlu diganti jika perlu. Buat perbandingan harga dan kualiti sebelum membeli.
- Rancang perbelanjaan hiasan rumah dengan baik. Janganlah keterlaluan.

Pakaian

- Tentukan berapa pakaian baru yang hendak dibeli untuk setiap anggota keluarga. Buat senarai sebelum membeli-belah dan jangan beli lebih daripada senarai walaupun tawaran di kedai-kedai menarik.
- Beli pakaian yang bersaiz besar sedikit daripada saiz anak. Kanak-kanak membesar dengan cepat.

Makanan

- Buat senarai kuih-muih yang hendak disediakan, agar perbelanjaan dapat dirancang dan tidak berlebihan.
- Kurangkan kuih-muih yang mengandungi banyak gula atau santan kelapa. Ubahsuai resepi supaya menggunakan kurang gula dan ganti santan kelapa dengan susu cair, di mana sesuai.
- Tentukan hidangan yang disediakan pada hari perayaan dan anggarkan jumlah tetamu. Jangan masak berlebihan. Makanan seperti daging akan cepat basi dan tidak dapat disimpan dengan lama.
- Elakkan dengan selalu menghidang minuman berkarbonat untuk tetamu. Lebih baik sekiranya anda sediakan minuman barli dan kordial buah. Baik untuk kesihatan.
- Sebelum anda pergi membeli-belah eloklah sediakan belanjawan Hari Raya atau belanjawan Hari Krismas. Tentukan barang-barang yang perlu dibeli dan mampu dibeli berdasarkan wang yang ada. Elakkan berhutang, sama ada dengan orang lain atau kad kredit semata-mata kerana hendak menyambut perayaan dengan meriah.
- Gunakan hak-hak anda sebagai pengguna dan jadilah pengguna yang bijak dan rasional.

Pantun

Membeli-belah Musim Perayaan

Tumbuh semalu di dalam semak,
Buah jering jatuh bertaburan;
Utamakan dulu persekolahan anak,
Sebelum ‘shopping’ untuk perayaan.

Burung kedidi di tengah sawah,
Turun ke paya mencari makan;
Berhati-hati membeli-belah,
Jangan terpedaya dengan tawaran.

Buah berangan di bawa ke Deli,
Buat bekalan belayar lanchang;
Senaraikan barang hendak dibeli,
Elakkan pembelian tidak dirancang.

Tingginya puncak mencecah awan,
Gunung Tahan hendak didaki;
Supaya tidak menyesal kemudian,
Buat perbandingan sebelum membeli.

Kembang mekar bunga kemboja,
Gugur bertaburan bungan siantan;
Berbelanja sekadar diperlukan sahaja,
Elakkan pembaziran amalan syaitan.

Belayarlah kelasi meniti buih,
Ombak di lautan teman kehidupan;
Cubalah berkongsi membuat kuih,
Erat persahabatan jimat perbelanjaan.

Sumbangan: Yatie,
Kg. Tun Abdul Razak, Melaka

sambungan daripada mukasurat 3

ini, akan digunakan oleh anggota penguatkuasa bagi menjalankan tugas-tugas mereka di luar pejabat terutamanya ketika mengadakan operasi-operasi tertentu. Walau bagaimanapun, untuk permulaan, lima buah pajero yang digunakan sebagai pejabat bergerak ini hanya akan beroperasi di sekitar negeri Selangor dan di Lembah Kelang sahaja.

Ianya akan ditempatkan secara bergilir di pasar-pasar utama di kawasan-kawasan tertentu bagi memudahkan mereka membuat pemantauan bagi memastikan peniaga meletakkan tanda harga serta dacing yang digunakan adalah yang telah tentu disahkan.

sambungan daripada mukasurat 5

Dasar harga dan pendapatan Kerajaan ialah suatu keadaan di mana Kerajaan menetapkan situasi ekonomi bagi mengawal harga dan pendapatan dengan matlamat untuk mencegah inflasi.

Komplot harga pula adalah persetujuan (lazimnya rahsia) antara para pengilang atau para pembekal untuk mengenakan harga yang sama bagi sesuatu keluaran atau perkhidmatan dengan tujuan mengaut keuntungan (profiteering).

Penetapan harga; suatu keadaan di mana syarikat-syarikat yang bersaing berpaktat dan bersetuju untuk menetapkan harga yang sama bagi sesuatu keluaran atau perkhidmatan.

Kepimpinan harga pula merujuk kepada syarikat-syarikat yang bersaing mengadakan dasar penentuan harga yang sama. Dalam suasana ini, syarikat-syarikat yang terlibat akan



Dato' Pahamin A. Rajab, KSU Kementerian sedang mencuba daging 'dua muka' dengan diperhatikan oleh Y.B. Setiausaha Parliment dan anggota Penguatkuasa Kementerian.

Orang ramai juga boleh membuat aduan mereka di mana-mana pejabat bergerak yang berdekatan sekiranya terdapat peniaga yang tidak mematuhi perkara-perkara berkenaan.

Adalah diharapkan dengan adanya

perkara-perkara ini, pegawai dan anggota-anggota penguatkuasa Kementerian ini akan terus menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan bagi menaikkan lagi imej Kementerian.

mengenakan harga-harga yang serupa dan menaikkan harga selaras dengan kenaikan harga yang dilakukan oleh pesaing-pesaingnya. Ini tidak dianggap sebagai penetapan harga atau amalan perdagangan pembatasan kerana tidak nampak berlaku pakatan antara syarikat-syarikat yang terlibat.

Keanjalan harga; banyaknya jualan atau permintaan pengguna bagi sesuatu barang atau perkhidmatan merosot sebagai tindakbalas kepada sebarang kenaikan harganya.

Dataran harga ialah paras harga yang diterima oleh pengguna sebagai berpatutan bagi keluaran tertentu yang menjadi sebahagian daripada kelompok barang yang dijual dengan harga dan mutu yang berbeza. Andai wujudnya dataran harga akan mendorong para peniaga dan pengilang membataskan kenaikan harganya sehingga mereka mendapat bukti bahawa pengguna

sanggup menerima harga yang lebih tinggi bagi keluaran berkenaan.

Apa yang jelas ialah terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi harga sesuatu barang atau perkhidmatan. Namun begitu, kesemua faktor bergantung kepada sejauh mana pengguna sanggup memainkan peranan mereka dalam menstabilkan harga sesuatu barang atau perkhidmatan. Setiap syarikat atau pengeluar memerlukan pengguna untuk beroperasi dan berjaya dalam perniagaan mereka tetapi setiap pengguna pula tidak memerlukan syarikat atau pengeluar untuk berperanan dan bergerak. Dalam kata lain, tanpa pengguna tiadalah syarikat dan pengeluar.

Sewajarnyalah pengguna memperjuangkan hak mereka sebagai pengguna.

Oleh Dora UL



Pengguna bersama Ariff

Keselamatan Di Rumah Tanggungjawab Semua



Rumah dikatakan tempat yang paling selamat untuk berlindung namun tanpa disedari kemalangan di rumah sering menyebabkan kecederaan kepada kanak-kanak, warga tua mahupun orang dewasa sekalipun. Kejadian kanak-kanak yang terjatuh dari rumah flat tinggi, lemas di tempat mandi, cedera dan sebagainya yang terjadi dalam rumah sendiri mengingatkan kita supaya sentiasa berhati-hati dan mementingkan keselamatan di rumah.

Di bawah ini diturunkan beberapa langkah keselamatan untuk panduan para pengguna, terutama ibu-ibu, semasa di rumah.

- ❑ Pastikan rumah dan kawasan sekelilingnya selamat bagi melindungi kanak-kanak daripada terjatuh dan terluka. Kejadian terjatuh di kalangan kanak-kanak selalunya berlaku dari tingkat atas rumah, buaian, tangga rumah, tingkap yang terbuka dan lantai yang licin.
- ❑ Pasangkan pagar untuk tangga dan tingkap. Jangan biarkan kanak-kanak berada di tingkat atas atau sebarang tempat yang tinggi tanpa pengawasan orang dewasa.
- ❑ Jangan letakkan perabot berhampiran dengan tingkap yang terbuka yang membolehkan kanak-kanak akan memanjat perabot tersebut dan jatuh keluar melalui tingkap.
- ❑ Kanak-kanak mungkin tergelincir di atas lantai yang basah. Keringkan air yang tertumpah di lantai serta merta. Naikkan pagar katil bayi setiap masa untuk mengelakkan anak daripada terjatuh.
- ❑ Pasangkan kain buaian dengan kemas untuk mengelakkan anak daripada terjatuh. Permaidani, tikar yang terlipat atau sebarang objek di atas lantai boleh menyebabkan kemalangan terutama di tempat gelap.
- ❑ Simpan pisau dan lain-lain objek tajam untuk mengelakkan daripada jangkauan kanak-kanak. Elakkan

daripada menggunakan perabot, perhiasan rumah, meja dan alat permainan yang diperbuatkan daripada kaca.

- ❑ Tempatkan kipas angin di atas meja yang tinggi sehingga tidak dicapai oleh kanak-kanak.



Fakta Ringkas

Indeks Harga Pengguna (IHP)

IHP bagi bulan Januari hingga Oktober 2000 naik sebanyak 1.5% dibandingkan dengan indeks bagi

bulan yang sama pada tahun 1999. Manakala indeks harga pengguna bagi bulan Oktober 2000 juga naik sebanyak 1.9% berbanding dengan indeks bulan yang sama pada tahun

1999. Bagaimanapun dibandingkan dengan indeks bulan September 2000 yang lalu, IHP bagi bulan Oktober 2000 naik sebanyak 0.4%.

Aktiviti-aktiviti Bahagian Hal Ehwal Pengguna bagi bulan November 2000

| | Aktiviti | Tempat | Tarikh |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Majlis Sambutan Hari Pengguna Sedunia Peringkat Negeri Perlis | Hotel Putra Palace, Kangar, Perlis | 2.11.2000 |
| 2. | Majlis Sambutan Hari Pengguna Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang | Dewan Masyarakat Teluk Kumbar, Pulau Pinang | 2.11.2000 |
| 3. | Ceramah Kepenggunaan Sempena Seminar Pendidikan Pengguna anjuran MHEPN Terengganu | Dewan Majlis Daerah Hulu Terengganu, Terengganu | 2.11.2000 |
| 4. | Seminar Undang-Undang Perlindungan Pengguna | Mint Hotel, Sungai Besi, Selangor | 4-5.11.2000 |
| 5. | Bengkel Kepimpinan Kelab Pengguna Sekolah | Sandakan Renaissance Hotel, Sandakan, Sabah | 6.11.2000 |
| 6. | Ceramah Kepenggunaan sempena Kursus Pengurusan Kelab Pengguna Institut Pengajian Tinggi Negeri Kedah | MRSM, Langkawi | 11.11.2000 |
| 7. | Seminar Peranan dan Fungsi MHEPD Dalam Menggiatkan Gerakan Kepenggunaan | Pacific Sutera Hotel, Kota Kinabalu, Sabah | 13.11.2000 |
| 8. | Ceramah Kepenggunaan di Seminar Perlindungan Pengguna - Panduan Pengurusan Kelab-Kelab Pengguna | Hotel Istana, Kuala Lumpur | 13.11.2000 |
| 9. | Seminar Undang-undang Perlindungan Pengguna dan Kempen Kesedaran Jimat Berbelanja | Dewan Tun Dr. Ismail, Aras 2, PWTC, Kuala Lumpur | 17.11.2000 |
| 10. | Ceramah Kepenggunaan di Majlis Perlantikan Ahli MHEPN Bagi Sesi 2000 - 2002 dan Penyerahan Bantuan Peruntukan untuk Kelab-kelab Pengguna Sekolah Menengah Negeri Melaka | Hotel Golden Legacy, Melaka | 20.11.2000 |
| 11. | Majlis Sambutan Hari Pengguna Sedunia Peringkat W.P. Labuan | Hotel Sheraton, W.P. Labuan | 23.11.2000 |
| 12. | Majlis Sambutan Hari Pengguna Sedunia Peringkat Negeri Selangor | Dewan Serbaguna, Klang, Selangor Kompleks Sukan Meru, Pekan Meru, | 24.11.2000 |
| 13. | Majlis Sambutan Hari Pengguna Sedunia dan Seminar Undang-undang Perlindungan Pengguna Peringkat Negeri Kelantan | New Pacific Hotel, Kota Bahru, Kelantan | 25.11.2000 |
| 14. | Ceramah Kepenggunaan di Majlis Penerangan Untuk Pemimpin-pemimpin Rukun Tetangga | Dewan Orang Ramai, Jelapang, Perak | 26.11.2000 |

Aduan Pengguna

Pelbagai jenis penyelewengan berlaku dalam pasaran dengan tujuan meraih keuntungan yang berlebihan tanpa mengira kesannya terhadap masyarakat. Antara penyelewengan yang berlaku ialah menyorok barang kawalan, membuat kenyataan palsu semasa menawarkan barang/perkhidmatan, menipu dalam timbangan dan sukatan, dan kegiatan mencetak rompak atau menyalin karya hakeciptaan orang lain.

Sekiranya anda tahu atau mempunyai maklumat tentang penyelewengan perdagangan, buatlah aduan dengan segera ke Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP). Perkara-perkara yang boleh diutarakan ke Bahagian Penguatkuasa ialah:

- Berniaga barang kawalan tanpa lesen.

- Enggan menjual barang kawalan.
- Mengenakan syarat dalam menjual barang kawalan.
- Menyorok barang kawalan.
- Gagal meletakkan tanda harga barang-barang yang dijual.
- Mengedarkan barang-barang tanpa label alamat pembuatnya, komposisi bahan atau jumlah berat dan sukatan barang itu.
- Membuat atau menjual barang-barang tiruan atau menggunakan perihal dagangan palsu.
- Mengadakan tawaran jualan murah tanpa kelulusan.
- Memperihalkan harga secara mengelirukan.
- Tidak mematuhi prosedur dalam mengadakan tawaran jualan murah.
- Membuat kenyataan atau pengiklanan palsu dalam menawarkan barang-barang atau perkhidmatan.
- Menggunakan perbahasaan "Halal" secara tidak betul.
- Gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam urusan penjualan melalui perjanjian sewa beli.
- Menarik balik barang-barang sewa beli tanpa mengikut peraturan.
- Berniaga alat timbang dan sukat tanpa lesen.
- Melanggar syarat-syarat lesen timbang dan sukat.
- Mengguna untuk perdagangan alat-alat timbang dan sukat yang tidak disahkan.
- Menipu dalam timbangan dan sukatan.
- Mencetak rompak, meniru atau menyalin karya hakecipta orang lain.
- Mengadakan jualan langsung pada waktu yang tidak dibenarkan.
- Menjalankan aktiviti jualan langsung tanpa hak kuasa.

BAHAGIAN PENGUATKUASA :

- Bilik Gerakan K. Lumpur : 03-40436888/03-40437888 • Wilayah Persekutuan K. Lumpur : 03-40423555
- Kuala Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-40433366
- Perlis • Kangar : 04-9761478 **Kedah** • Alor Setar : 04-7339062 • Sg.Petani : 04-4205108 • Langkawi : 04-4213400 • Kulim : 04-4963700
- Pulau Pinang • P. Pinang : 04-2616168 • Seberang Prai : 04-4331750 **Perak** • Ipoh : 05-2555001 • Taiping : 05-8098801 • Teluk Intan : 05-6227967 • Grik : 05-7941000 • Manjung : 05-6871100 **Selangor** • Shah Alam : 03-5584102 • Kajang : 03-87381191 • K. Kubu Baru : 03-60642495 • Kuala Selangor : 03-8898559 • Sepang : 03-8465067 **Wilayah Persekutuan** • Kuala Lumpur : 03-4423555 • Labuan : 087-417669 **Negeri Sembilan** • Seremban : 06-7630911 • Kuala Pilah : 06-4821050 • Port Dickson : 06-6461501 **Melaka** • 06-2820422
- Johor** • Johor Bahru : 07-2234699 • Kluang : 07-7736877 • Muar : 06-9521094 • Mersing : 07-7981001 • Batu Pahat : 07-4355478
- Segamat : 07-9333400 **Pahang** • Kuantan : 09-5121234 • Temerloh : 09-2961688 • Raub : 09-3551670 **Terengganu** • K. Terengganu : 03-6221234 • Kemaman : 09-8591919 • Besut : 09-6902204 **Kelantan** • Kota Bahru : 09-7447187 • Kuala Krai : 09-9666368 **Sabah** • K. Kinabalu : 088-235702 • Sandakan : 089-201301 • Tawau : 089-776690 • Kudat : 088-615310 • Keningau : 087-3384001 • Lahad Datu : 089-886090 **Sarawak** • Kuching : 082-245202 • Sibu : 084-329202 • Miri : 085-412862 • Bintulu : 086-332176 • Labuan : 087-417669
- Sarieki : 084-654414 • Kapit : 084-797664 • Limbang : 085-217414

PEJABAT-PEJABAT PENDAFTARAN PERNIAGAAN :

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-4433366 • Alor Setar : 04-7318277 • Butterworth : 04-3327793 • Ipoh : 05-2547913 • Kota Bahru : 09-7484599 • Kuantan : 09-553600 • K. Terengganu : 09-6237170 • Johor Bahru : 07-2244710 • Melaka : 06-2821822

BAHAGIAN HARTA INTELEK :

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-22742100 • Kota Kinabalu : 088-233571 • Kuching : 089-428499

BAHAGIAN HAL EHWAH PENGGUNA :

BAHAGIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI :

PEJABAT-PEJEBAT PENDAFTARAN SYARIKAT :

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-40433366 • Alor Setar : 04-7330111 • P. Pinang : 04-3332081 • Ipoh : 05-2416900 • Kuantan : 09-553866
- Kota Bahru : 09-7482860 • Kota Kinabalu : 088-233346 • Kuching : 082-428499 • Labuan : 087-414100



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna

Pejabat-pejabat Penguatkuasa di Ibu negeri merupakan urusetia Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN). Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.

